

**SIGNIFIKAN NILAI DALAM GEOGRAFI POLITIK:
TINJAUAN AWAL DEMOGRAFI KELAS MENENGAH MELAYU**

(The significance of value in political geography: Initial review on the Malay middle class demography)

Hairol Anuar Hj. Mak Din, Ahmad Munawar Ismail & Amira Mohd Yusuf

ABSTRAK

Status Geografi begitu signifikan dalam penentuan bahagian Pilihan Raya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, artikel ini memfokuskan sebahagian dari disiplin geografi politik yang mempunyai akses secara langsung tentang pola pengundian para pengundi. Ketika ini Pilihan Raya Umum Ke-14 bakal diadakan kurang dari tempoh dua tahun, walau bagaimanapun SPR mencatatkan sehingga 1 Januari 2016 didapati 24 peratus atau 4,189,754 orang dalam kalangan warganegara berusia 21 tahun ke atas yang layak masih gagal untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini adalah satu fenomena serius dan merugikan negara dalam tempoh masa yang panjang. Oleh kerana itu, elemen nilai diketengahkan sebagai salah satu komponen penting dalam bertingkah laku sebagaimana terkandung dalam sub-disiplin geografi politik. Sehubungan itu, kajian secara kuantitatif telah dilaksanakan di mana seramai 544 orang responden telah terlibat secara langsung dengan penggunaan teknik 'persampelan bertujuan' iaitu dengan memfokuskan kelas menengah Melayu sebagai sampel kajian. Artikel ini meninjau dari aspek demografi responden. Dapatan kajian telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan peratus, min, dan sisihan piawai. Penemuan kajian telah mendapati elemen nilai amat signifikan dalam geografi politik yang mewajarkan amalan sistem demokrasi di Malaysia.

Kata Kunci: Signifikan, pengundian, kelas, geografi dan Melayu.

ABSTRACT

The field of geography is significant in determining the parts for election as stated in the Federal Constitution. This article focuses on the sub discipline in political geography that has direct access to the voters' voting patterns. In less than two years from now, the 14th General Election will take place. However, according to the record from the Election Commission of Malaysia (SPR), until 1st January 2016, 24 percent or 4,189, 754 Malaysians aged 21 and above who are eligible to vote, have yet to register as voters. This is a serious phenomenon and can negatively affect the nation in a long term. Therefore, the element of value is considered as one of the important components in behaving as constituted in the sub-discipline of political geography. By using the technique of 'purposive sampling' that focuses on Malay middle class as the sample, a quantitative research involving 544 respondents is conducted. This research examines the demographic aspect of the respondents. The findings are analyzed descriptively using percentage, min and standard deviation. The findings of this study show that the element of value is very significant in political geography, which portrays the practice of democracy in Malaysia.

Keywords: Significance, voting, class, geography, Malay.

PENGENALAN

Disiplin Geografi adalah antara bahagian penting dalam penyelidikan sains sosial dan kemanusiaan selain politik, komunikasi, sosiologi, psikologi, sejarah, dan ekonomi yang kesemua disiplin ini bermatlamatkan merungkai kebenaran, fakta tentang peristiwa dan isu-isu kemasyarakatan. Kepentingan geografi dalam kerangka politik dan pelaksanaan demokrasi turut termaktub pada Perlembagaan Persekutuan: Bahagian VIII Pilihan Raya iaitu berkenaan topografi dan taburan penduduk khususnya dalam penyempadanan bahagian pilihan raya. Disiplin geografi dalam pilihan raya menurut Amer Saifude (2009) yang dianalisis adalah geografi keluar mengundi, geografi sokongan kepada parti politik, bias dan *disproportionality*

serta pengundian ekonomi. Oleh kerana itu, kajian dan pengetahuan berkenaan topografi politik negara khususnya hal ehwal politik dan amalan demokrasi melalui sistem pilihan raya adalah terangkum dalam bidang ini. Elemen nilai merupakan teras kajian yang cuba diangkat sebagai faktor yang turut diambil kira dalam bidang geografi pilihan raya.

KEPENTINGAN NILAI DALAM GEOGRAFI POLITIK

Sub tema dalam disiplin geografi politik membicarakan pula tentang perkaitan tingkah laku. Di sini, tingkah laku yang dimaksudkan adalah sebagai faktor psikologi yang menjadi teras kepada kelakuan ruangan individu yang menekankan tentang peranan kognitif dan faktor pembuat keputusan. Hal sebegini melibatkan hubungan di antara kepelbagaian dimensi alam sekitar dengan tindakan manusia.

Perkara ini merangkumi suasana persekitaran manusia sama ada pada masa yang lampau, semasa, dan akan datang dalam semua dimensi kehidupan termasuk hal ehwal politik, ekonomi dan sosial. Tingkah laku ini turut dapat mempengaruhi corak dan proses pengundian semasa pilihan raya. Hal sebegini secara lazimnya terjadi dalam kehidupan manusia yang berbeza dalam konteks yang pelbagai bakal membentuk pola pengundian yang berlainan di antara sesama mereka (Amer Saifude 2009). Oleh kerana itu, tingkah laku ini turut mempunyai perkaitan dengan nilai yang menjadi fokus kajian khususnya dalam persoalan pengundian dalam pilihan raya.

Seawal pelaksanaan pilihan raya, negara ini telah mengaplikasikan sistem majoriti mudah '*first-past-the-post*' berasaskan '*single member constituencies*'. Sehubungan itu, dalam penghuraian konsep ini dengan merujuk Taylor & Johnston (1979), Rose (2000), dan Budge et al. (2001) beranggapan melalui sistem majoriti mudah ini dengan merujuk secara langsung kepada calon yang mendapat undi terbanyak biarpun berbeza hanya satu undi sahaja adalah pemenang.

Penggunaan sistem ini dalam kerangka demokrasi turut dipersetujui oleh Blaise & Massicotte (1992) dan Hague & Harrop (2001). Hal ini kerana mereka beranggapan bahawa melalui sistem ini bakal menghasilkan satu parti majoriti yang stabil, kuat, dan lebih bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, Johnston et al. (2001) berpendapat sebaliknya. Justifikasinya adalah melalui sistem ini berupaya untuk menghasilkan kuasa majoriti yang sangat besar, undi yang membazir, ketidakadilan kepada parti kecil, dan melayakkan sesebuah parti untuk berkuasa dengan sokongan yang kecil.

Namun demikian, permasalahan kajian yang acap kali dipertemukan dalam pelaksanaan demokrasi dalam negara ini adalah perkaitan tentang kepekaan saban generasi berkenaan kewajiban mereka untuk berdaftar di SPR sebagai pemilih dan penemuan kajian lepas tentang kadar pengundian dalam pilihan raya yang menunjukkan statistik penurunan. Berpandukan disiplin geografi pilihan raya, kedua-dua perkara ini boleh dilabelkan sebagai '*tidak sihat*' terhadap proses demokrasi. Justeru, hal-hal sebegini mempunyai perkaitan dengan responsif warganegara dan kajian ini menetapkan nilai sebagai segmen kajian yang perlu diberi perhatian serius.

Berkesinambungan itu, corak pengundian dalam praktik demokrasi jelas memperlihatkan bahawa keberadaan nilai dalam sistem politik adalah begitu signifikan (Hairol Anuar 2014). Perkara ini adalah sejajar dengan Model Sistem Politik anjuran David Easton (1965), di mana sumber primer ini telah melakarkan tentang kepentingan nilai beserta peranannya dalam proses pengagihan dalam sistem politik.

Relevansi nilai dalam kajian ini juga adalah bertepatan dengan analisa yang dilakukan oleh Robert A. Dahl (1975) yang berpandangan bahawa ketinggian darjah seseorang itu terlibat dalam politik adalah kerana; nilai yang tinggi kepada ganjaran yang boleh didapati dari penglibatan itu, berkeyakinan bahawa dengan penglibatannya itu berupaya memberi kesan dalam menyebabkan perubahan kepada apa yang akan berlaku dan pengetahuan yang mencukupi tentang sesuatu isu itu dan ini akan membolehkan dia berkesan jika dia melibatkan diri.

METODOLOGI

Aplikasi kuantitatif yang diguna pakai dalam kajian ini adalah dengan merujuk kepada pendekatan yang cenderung terhadap penggunaan teknik atau metodologi saintifik di dalam pengkajian fenomena sosial yang dikenali sebagai ‘*positivisme*’ ke dalam gagasan sains sosial. Kaedah positivisme ini menekankan kepada ketepatan bukti penyelidikan dengan menggunakan analisis numerikal. Dalam hal ini, Chua Yan Piaw (2006) menegaskan bahawa kaedah penyelidikan eksperimental dan tinjauan adalah teknik yang banyak digunakan dalam aliran positivisme ini.

Menurut Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan (2012), kajian tinjauan adalah suatu metode untuk mengumpul maklumat dengan bertanya melalui satu set instrumen soal selidik kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang dikaji. Objektif dan persoalan kajian lazimnya mengenai tingkah laku individu yang hendak diperhatikan seperti persepsi, tahap pengetahuan, kefahaman, kepercayaan, kegemaran, dan lain-lain.

Manakala persampelan pula adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu polisi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Di dalam hal ini, Uma Sekaran (2003) berpendapat pemilihan sampel harus mampu mewakili dan mengeneralisasikan keseluruhan populasi. Justeru, beberapa asas pertimbangan telah digunakan oleh pengkaji bagi menentukan saiz sampel dalam kajian ini. Penentuan saiz sampel kajian ini merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970) iaitu saiz populasi 100,000 dan ke atas sampel berjumlah minima 384, di dalam kajian ini saiz sampel yang diperolehi adalah 544.


Demografi dalam kajian adalah signifikan. Hal ini meninjau kepada latar belakang responden yang menjadi fokus penting terhadap kajian yang dijalankan. Berdasarkan kajian ini pengelasan kumpulan kelas menengah Melayu ini adalah selaras dengan takrifan ‘kelas menengah’ yang didefinisikan dalam kajian ini. Pada bahagian ini kajian akan membincangkan profil responden mengikut kategori yang telah ditetapkan, iaitu: 1) Jantina, 2) Umur, 3) Kelulusan akademik tertinggi, 4) Lulusan Institusi Pengajian Tinggi, 5) Pekerjaan, dan 6) Lokasi Pekerjaan responden.

Seterusnya profil responden membincangkan tentang persoalan yang mempunyai perkaitan dengan tajuk kajian iaitu berkenaan geografi politik. Oleh kerana itu dua persoalan utama diajukan bagi memastikan kajian ini adalah relevan iaitu dengan meninjau sama ada responden ini telah mendaftar sebagai pengundi di SPR dan adakah responden ini telah berdaftar sebagai ahli di dalam mana-mana pertubuhan parti politik. Manakala elemen nilai dilihat melalui partisipasi responden dalam pemilihan kepimpinan politik melalui pilihan raya.

DAPATAN KAJIAN

Persampelan kumpulan kelas menengah Melayu di dalam penyelidikan sebagaimana yang ditakrifkan dalam kajian adalah eksklusif kepada generasi muda dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 40 tahun dan terhad kepada kelompok yang mempunyai kelayakkan akademik Ijazah Sarjana Muda dan ke atas. Kumpulan ini adalah 37 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia (Zambry Abdul Kadir 2002).

Rajah 1.0 Peratusan responden mengikut jantina




Rajah di atas, menunjukkan peratusan responden berdasarkan jantina. Kajian ini menemukan seramai 201 orang (37 peratus) responden kajian adalah lelaki dan seramai 343 (63

peratus) responden kajian adalah perempuan. Ini menunjukkan responden perempuan lebih ramai terlibat di dalam kajian ini berbanding dengan responden lelaki.

Realiti semasa memperlihatkan kecenderungan pelajar wanita yang amat berminat untuk menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi adalah bersesuaian dengan keputusan akademik yang mereka perolehi. Peluang untuk melanjutkan pelajaran juga adalah luas kerana dasar kerajaan yang konsisten terhadap pendidikan dengan memperuntukkan sejumlah peruntukkan dalam bajet dan terbuka dengan penubuhan Institusi Pengajian Tinggi di dalam negara. Relevansi jantina dengan demografi kajian ini adalah berkaitan dengan perbezaan nilai yang dianuti berdasarkan kepada jantina yang berbeza.

Rajah 2.0 Peratusan responden mengikut umur




Rajah di atas menunjukkan peratusan responden kajian berdasarkan umur. Seramai 283 orang (52 peratus) responden kajian yang ditemui berumur dalam lingkungan umur di antara 21 tahun hingga 30 tahun dan seramai 261 orang (48 peratus) responden kajian pula yang berumur dalam lingkungan umur di antara 31 tahun hingga 40 tahun.

Ini menunjukkan bahawa responden berumur 21 tahun hingga 30 tahun di dalam kajian ini adalah lebih ramai berbanding responden yang berumur 31 tahun hingga 40 tahun.

Pengelasan umur 21-30 tahun dan 31-40 tahun dalam demografi adalah signifikan kerana kedua-duanya kelompok umur ini mempunyai latar yang berbeza dan hal ini amat mempengaruhi pola pemikiran dan nilai yang menjadi pegangan.

Rajah 3.0 Peratusan responden mengikut pekerjaan




Rajah di atas menunjukkan peratusan responden berdasarkan pekerjaan. Daripada 544 orang jumlah responden, didapati seramai 274 orang (50 peratus) responden adalah penjawat awam, diikuti seramai 190 orang (35 peratus) responden adalah pekerja swasta, dan seramai 17 orang (tiga peratus) responden kajian adalah seorang usahawan/bekerja sendiri. Dapatan kajian turut menemukan bilangan 63 orang (12 peratus) responden kajian tidak bekerja. Kebarangkalian tidak bekerja di sini membawa pengertian menjadi suri rumah tangga, tidak mempunyai pekerjaan yang tetap, dan menganggur.

Majoriti kumpulan kelas menengah Melayu di dalam kajian ini adalah terdiri daripada responden yang bekerja sebagai penjawat awam, diikuti oleh responden yang bekerja di sektor swasta, seterusnya responden yang tidak bekerja, dan responden sebagai usahawan/bekerja sendiri. Kepentingan demografi berkenaan sektor pekerjaan yang berbeza-beza turut

mempengaruhi nilai responden. Ini kerana latar pekerjaan sebenarnya turut memainkan peranan yang signifikan dalam penentuan nilai yang menjadi pegangan sebagaimana yang dikehendaki dalam kajian ini.

Rajah 4.0 Peratusan responden yang berdaftar di SPR




Rajah di atas menunjukkan peratusan responden yang mendaftar di SPR. Daripada jumlah keseluruhan responden, penemuan kajian mendapati seramai 485 orang (89 peratus) responden kajian telah menggunakan hak mereka sebagaimana yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai warganegara Malaysia untuk menjadi pengundi.

Namun kajian turut mendapati bilangan responden yang masih belum berdaftar sebagai pengundi di SPR adalah seramai 59 orang (11 peratus). Walaupun penemuan kajian menunjukkan bilangan responden yang berdaftar di SPR lebih ramai, namun masih terdapat responden kajian yang tergolong sebagai kumpulan kelas menengah Melayu ini yang tidak berdaftar.

Melalui penemuan ini sekaligus mengukuhkan lagi permasalahan yang dikemukakan di dalam penyelidikan ini dan seterusnya menjustifikasikan lagi terhadap peranan nilai di dalam kalangan kumpulan kelas menengah Melayu berhubung pemilihan kepimpinan politik.

Rajah 5.0 Peratus responden yang berdaftar sebagai ahli dalam parti politik



Rajah di atas menunjukkan peratusan responden yang berdaftar sebagai ahli di dalam parti politik. Penemuan kajian mendapati seramai 195 orang (36 peratus) responden kajian mempunyai pendirian dengan memihak/condong kepada parti-parti tertentu melalui pendaftaran mereka sebagai ahli di dalam mana-mana parti politik. Pun begitu, majoriti responden seramai 349 orang (64 peratus) pula tidak berdaftar sebagai ahli di dalam mana-mana organisasi politik.

Penemuan kajian menunjukkan jumlah responden yang tidak berdaftar sebagai ahli di dalam pertubuhan politik mendominasi jumlah keseluruhan responden. Hal ini bermakna majoriti kumpulan ini tergolong di dalam kumpulan *floating voter* (pengundi atas pagar) yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik. Kumpulan ini juga memainkan peranan penting kerana kuantiti mereka yang besar dan juga kebijakan mereka secara selektif memilih kepimpinan politik yang mewakili parti mana yang menjanjikan sesuatu yang realistik dan demi kelangsungan negara.

Justeru, rumusan kajian mendapati bahawa peranan nilai di dalam geografi politik adalah penting. Signifikan nilai ini terbukti apabila data secara keseluruhannya menunjukkan bahawa nilai mempunyai peranan penting di dalam memilih kepimpinan politik iaitu; $\min=3.13/\text{sisihan}$

piawai=.464 yang membawa tahap interpretasi sederhana tinggi. Peranan nilai sebagai faktor utama dalam memilih kepimpinan politik pula adalah; min 3.81/sisihan piawai=.563 yang membawa tahap interpretasi sederhana tinggi. Ini kerana sebilangan besar kumpulan sasaran berasa bersalah jikalau tidak mengundi di dalam pilihan raya yang bakal diadakan (78 peratus, min=3.94, SP=0.97), berbanding 22 peratus yang tidak berasa bersalah seandainya tidak menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi. Data ini adalah realistik apabila jumlah responden yang tidak berdaftar sebagai pemilih adalah seramai 59 orang (10.8 peratus).

PENUTUP

Walaupun penemuan kajian mendapati bahawa elemen nilai amat signifikan dalam kehidupan berpolitik, namun berdasarkan pengamatan didapati amat jarang perbincangan dan penganalisaan politik yang dibuat menjurus kepada persoalan nilai yang sebenarnya menjadi pegangan pengundi. Rata-rata para pengkaji amat ghairah mengira bilangan undi. Justeru penulisan ini cuba mengetengahkan kepada persoalan yang lebih teras iaitu sebab dan akibat kepada pengundian yang dibuat. Kesimpulannya, keberadaan nilai dalam geografi pilihan raya wajar diberi penekanan penting bagi mengkaji bidang politik dalam kerangka demokrasi. Ketepatan pemilihan responden berdasarkan demografi adalah mustahak bagi memastikan dapatan kajian adalah signifikan dan relevan.

RUJUKAN

- Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan. 2012. *Memahami Kuantitatif dan Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi:UKM.
- Amer Saifude. (2009). *Geografi Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pilihan Raya Malaysia, 1959-2008*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Blaise, A & Massicotte, L. 1996. Electoral System. Dalam Le Duc, L., Niemi, R.G. & Norris, P. *Comparing Democracy: Elections and Voting in Global Perspective*. California: Sage.
- Budge, I, Crewe, I, McKay, D & Newton, K.2001.*The New British Politics*. Essex: Longman.

- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Serdang. McGraw-Hill.
- Dahl, Robert A. 1975. *Modern Political Analysis*. New Delhi: Prentice Hall.
- Easton, D. (1965). *A Framework for Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- HairolAnuar. 2014. *Signifikan Nilai di dalam Memilih Kepimpinan Poltik dalam Kalangan Kelas Menengah Melayu Pasca DEB*. Tesis Ph. D Peradaban Islam UKM.
- Hague, R, dan Harrop, M. 2001. *Comparative Government and Politics*. Hampshire: Palgrave.
- Johnston, R. Pattie, C., Dorling, D. & Rossiter, D. 2001. *From votes to seats – the operation of the UK electoral system since 1945*. Manchester: Manchester University Press.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational Psychological Measurement*, 30, 608.
- Rose, R. 1974. *Electoral Behaviour: A Comparative Handbook*. New York: Free Press.
- Taylor, P.J. & Johnston R.J. 1979. *Geography of elections*. Middlesex: Penguin Book.
- Uma Sekaran. 2003. *Research Methods for Bussiness: A Skill Building Approach*. New York: John Willey & Sons.
- Zambry Abd Kadir. 2002. Peranan Generasi Muda Dalam Arus Perdana Politik Negara: Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam. Dlm. *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Penghargaan buat Institut Islam Hadhari, UKM dan Pusat Pengajian Teras, KUIS

Hairol Anuar Hj. Mak Din PhD, Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, hairolanuar@kuis.edu.my

Ahmad Munawar Ismail PhD, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, munawar@ukm.edu.my

Amira Mohd Yusuf, Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, amira@kuis.edu.my